



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG  
PORT KLANG AUTHORITY**

**NOTIS KS/LPK/04/2013  
NOTICE KS/LPK/04/2013**

Pemakluman kepada ejen, persatuan-persatuan, operator-operator terminal dan pengguna-pengguna pelabuhan.  
*Notification to agents, associations, terminal operators and port users.*

---

---

**SENARAI KUMPULAN LPK MENGIKUT PINDAAN 36-12 INTERNATIONAL MARITIME DANGEROUS GOODS CODE (IMDG CODE)  
LIST OF PKA GROUP AS PER AMENDMENTS 36-12 INTERNATIONAL MARITIME DANGEROUS GOODS (IMDG CODE)**

---

---

- |   |   |
|---|---|
| <p>1. Untuk tujuan pengendalian yang selamat, LPK telah mengklasifikasikan dagangan berbahaya kepada tiga (3) kumpulan iaitu Kumpulan LPK 1, Kumpulan LPK 2 dan Kumpulan LPK 3.</p> <p>2. Kumpulan LPK 1</p> <p>Dagangan berbahaya di dalam kumpulan ini hanya boleh dipunggah dengan syarat-syarat tertentu yang dikenakan oleh pihak Lembaga dari semasa ke semasa. Kapal membawa dagangan berbahaya kumpulan ini dilarang rapat ke dermaga melainkan jika dibenarkan oleh pihak Lembaga.</p> <p>Kumpulan LPK 2</p> <p>Kapal membawa dagangan berbahaya kumpulan ini boleh rapat ke dermaga. Dagangan berbahaya hendaklah dikendalikan secara terus dari lapangan ke kapal atau sebaliknya dan tidak dibenarkan untuk disimpan di gudang/ yad melainkan jika diluluskan oleh pihak Lembaga.</p> <p>Kumpulan LPK 3</p> <p>Dagangan berbahaya di dalam kumpulan ini boleh disimpan di tempat yang dibenarkan oleh pihak Lembaga bergantung kepada ruang dan kemudahan yang mencukupi.</p> <p>3. Senarai Kumpulan LPK yang diwartakan diwartakan di dalam Jadual Pertama Undang - Undang Kecil 122 (senarai dagangan berbahaya) yang digunapakai oleh Lembaga Pelabuhan Kelang adalah seperti di lampiran 1.</p> | <p>1. For safe operational purposes in handling dangerous goods, PKA has classified the goods into three (3) groups, i.e. PKA Group 1, PKA Group and PKA Group 3.</p> <p>2. PKA Group 1</p> <p>Dangerous goods under this group can only be landed at places and under such conditions as the Authority may impose from time to time. Vessels conveying such dangerous goods, unless otherwise agreed by the Authority, are prohibited from coming alongside any of the Authority's berth.</p> <p>PKA Group 2</p> <p>Vessel conveying dangerous goods under this group may come alongside the Authority's berths but the dangerous goods must be in direct transit and shall not be accepted into the Authority's warehouses/open areas for storage unless otherwise agreed by the Authority.</p> <p>PKA Group 3</p> <p>Dangerous goods under this group may be stored at such places as may be authorized by the Authority depending on space availability and adequacy of preparatory facilities.</p> <p>3. The list of the PKA group which was gazetted in the First Schedule of the By - Laws 122 (the list of dangerous goods) used by the Port Klang Authority as per appendix 1.</p> |
|---|---|

4. Sebarang pertanyaan berhubung notis ini hendaklah ditujukan kepada Pengurus (Dagangan Berbahaya) LPK di talian 03-31688211 sambungan 1024 atau e-mel, [ahmadrizal@pka.gov.my](mailto:ahmadrizal@pka.gov.my)

**KAPT. K. SUBRAMANIAM  
PENOLONG PENGURUS BESAR  
(OPERASI & KAWALSELIA)  
LEMBAGA PELABUHAN KELANG**

1 Januari 2014

4. Any enquiries related to this notice shall be directed to the Manager (Dangerous Goods) PKA at 03-31688211 extension 1024 or e-mail, [ahmadrizal@pka.gov.my](mailto:ahmadrizal@pka.gov.my)

**CAPT. K. SUBRAMANIAM  
ASSISTANT GENERAL MANAGER  
(OPERATIONS & REGULATORY)  
PORT KELANG AUTHORITY**

1 January 2014